

FACEBOOK SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS AYAT GRAMATIS DALAM KALANGAN MURID LEMAH BAHASA MELAYU

Regina Simba Vendrickⁱ & Zamri Mahamodⁱⁱ

ⁱ (*Pengarang Bersama*). Pelajar Sarjana, Fakulti Pendidikan, UKM. reg_vendrick@yahoo.com

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, UKM. d_zam@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan membincangkan penggunaan facebook sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat gramatis dalam kalangan murid tahun enam di sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah kecil Debak, Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran membina dan menulis ayat gramatis sekaligus meningkatkan pencapaian murid dalam peperiksaan. Kajian ini juga bertujuan melihat kesan penggunaan facebook sebagai alat pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah terhadap keputusan peperiksaan murid. Kajian yang didasari oleh teori Pembelajaran Behaviorisme ini dan disokong oleh Model Penerimaan Teknologi Davis merupakan sebuah kajian tindakan yang menggunakan facebook sebagai alat alternatif untuk mengatasi masalah murid yang lemah membina dan menulis ayat gramatis dengan menambah Teknik 'SALAK' sebagai elemen rangsangan. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid tahun enam yang lemah menguasai kemahiran menulis ayat gramatis. Instrumen yang digunakan adalah analisis dokumen seperti buku latihan, nota lapangan, skrip jawapan latihan di facebook, gajet atau komputer mempunyai rangkaian jalur lebar, ujian awal dan ujian akhir. Triangulasi terhadap instrumen dilakukan untuk kesahan dan kebolehpercayaan data. Data kajian ini diperoleh secara kualitatif dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian memberikan tindak balas yang sangat positif terhadap pembelajaran menggunakan facebook. Dapatan juga menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam menulis ayat gramatis Bahagian A bahasa Melayu Penulisan juga meningkat dalam ujian akhir yang dijalankan sekaligus meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan. Kajian ini memberi implikasi kepada murid, ibu bapa, dan bidang pendidikan terutama dari aspek kesediaan guru mengaplikasikan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pemudahcaraan pada zaman Revolusi Industri 4.0 ini.

Kata Kunci: facebook, bahasa Melayu, kemahiran menulis, pengajaran dan pembelajaran, ayat gramatis

1.0 PENGENALAN

Perbuatan menyampaikan sebarang idea, gagasan atau pernyataan menggunakan sebarang alat tulis seperti pensel dan pen dinamakan sebagai menulis. Pada dasarnya, perbuatan menulis boleh dikatakan sebagai amalan menyalurkan ilmu, buah fikiran atau data secara tersusun yang menitik beratkan elemen seperti objektif menulis, bahasa yang digunakan, khalayak pembaca dan gaya penulisan agar mampu mencerminkan alam, konteks dan latar kehidupan secara lebih holistik.

Bagi meningkatkan penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) terutama kemahiran menulis dalam kalangan murid, pelaksanaan pengajaran dan pemudah caraan (PdPc) kemahiran menulis harus dilaksanakan dengan lebih berkesan. Di sekolah, guru bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai pakar rujuk kepada murid-murid terutama apabila melibatkan bahagian penulisan.

Kini dunia sedang mengalami Revolusi Industri Pendidikan 4.0, namun masih ada murid yang lemah malah tidak pandai membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Begitu juga dengan murid-murid yang menjadi peserta kajian. Justeru, sebagai seorang guru, pengkaji telah mengambil satu pendekatan PdP yang sejajar dengan perkembangan masa kini bagi menangani masalah murid gagal menguasai kemahiran membina dan menulis ayat yang gramatis iaitu menggunakan facebook sebagai medium pemudah cara.

Facebook mempunyai potensi untuk dimanfaatkan dalam PdP kerana kajian menunjukkan pelajar menghabiskan banyak masa melayari *Facebook* setiap hari (Towner & Munoz, 2010). Secara tidak langsung pelajar telah menggunakan *Facebook* untuk tujuan akademik seperti berkomunikasi dengan rakan-rakan sekelas mereka untuk membincangkan aktiviti-aktiviti akademik (Gray, Vitak, Easton, & Ellison, 2013). Aktiviti tersebut dilaporkan meningkat ketika tarikh menghantar tugas semakin hampir dan ketika minggu peperiksaan (Madge et al., 2009; Vivian, 2011). *Facebook* telah terbukti boleh digunakan sebagai medium pembelajaran yang berkesan khususnya untuk pembelajaran tidak formal (Madge et al., 2009).

Menurut Jamaludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), perisian berasaskan multimedia mengurangkan pembelajaran berpusatkan guru kerana kaedah ini membuka ruang untuk pelajar meneroka isi pelajaran mereka secara terbuka (Rahimah Sabtu & Zamri Mahamod, 2013). Justeru, guru mengambil peluang ini untuk mengetengahkan penggunaan *Facebook* sebagai medium berkesan untuk meningkatkan kemahiran membina dan menulis ayat gramatis dalam kalangan murid tahun enam di sekolah rendah kawasan luar bandar yang terbatas kepada murid di sekolah kajian sahaja.

1.1 Pernyataan Masalah

Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2017 di sekolah kajian menunjukkan penurunan dari segi peratus menguasai berbanding keputusan UPSR 2016 bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman (011) dan Bahasa Melayu Penulisan (012). Bagi tahun 2016, kesemua 21 orang calon telah menguasai kedua-dua kertas peperiksaan ini yang membawa kepada pencapaian 100 peratus, namun pada tahun 2017, didapati berlaku penurunan peratusan calon yang menguasai iaitu kedua-dua kertas mencatat 95 peratus sahaja iaitu 19 daripada 20 orang calon menguasai (Lembaga Peperiksaan, 2017). Data ini menunjukkan masih ada murid di sekolah kajian belum menguasai mata pelajaran bahasa Melayu terutama yang melibatkan jawapan bertulis. Keadaan ini dipengaruhi oleh kegagalan murid menguasai kemahiran membina dan menulis ayat gramatis.

Roselan Baki (2003) menyatakan bahawa pengajaran bahasa Melayu yang tidak menekankan kaedah penggabungjalinan menyumbang ke arah pencapaian rendah murid dalam kertas penulisan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penguasaan kemahiran menulis dipengaruhi oleh kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Murid yang gagal menguasai salah satu daripada kemahiran bahasa tersebut di peringkat awal, pasti akan menjejaskan keupayaannya menguasai kemahiran menulis kerana kemahiran menulis adalah kemahiran bahasa yang berada pada tahap paling kompleks. Didapati masih ramai murid menghadapi masalah membina ayat dengan betul dan lengkap. Mereka juga tidak berupaya mengembangkan idea dalam penulisan dan melahirkan ekspresi dalam struktur ayat yang gramatis walaupun disertakan bantuan seperti gambar, kosa kata atau frasa (Manisah Osman, 2017).

Masalah yang sering kali dijumpai dalam ayat yang dibina oleh murid yang lemah dalam bahasa Melayu ialah penggunaan bahasa pasar, masalah ejaan, pengimbuhan kesalahan kata sendi, kata hubung, penjodoh bilangan dan kata adjektif yang tidak digunakan dengan betul dalam ayat (A. Rahman et al., 2012). Bagi murid bukan Melayu pula, masalah utama yang dihadapi oleh mereka dalam kemahiran menulis ialah penguasaan kosa kata Bahasa Melayu yang terhad hingga terdapat bahasa ibunda dalam penulisan bagi mengetengahkan idea (Noor Habsah Ali & Yahya Othman, 2018; Zamri Mahamod, 2016). Hal ini menyebabkan murid gagal menghuraikan idea dengan baik dan berkesan.

Menurut A. Rahman Haron (2009 & 2010), ayat yang dibina oleh murid tidak mengikut rumus tatabahasa dan didapati tidak gramatis (A. Rahman Haron et al., 2013). Murid juga didapati tidak minat menulis kerana kaedah pengajaran guru yang konvensional iaitu guru selesai menyediakan rangka idea kepada murid. Kebiasaan ini menyebabkan murid terlalu selesai dan kurang inisiatif untuk menjanakan idea sendiri (Noor Habsah Ali & Yahya Othman, 2018).

Tabiat membaca dan menulis yang kurang diamalkan menyebabkan murid kurang ilmu pengetahuan dan kosa kata yang boleh digunakan dalam aktiviti lisan dan penulisan (Noor Zila Md Yusuf & Amir Juhari, 2011). Struktur ayat yang dibina oleh murid juga kebanyakan tidak gramatis (Manisah Osman, 2017). Banyak kajian menunjukkan majoriti murid menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya dalam aspek membina ayat dengan betul dan lengkap (Jamilah Hamzah & Sheikh Roslam, 2014). Terdapat murid yang tidak mampu menulis dengan berkesan (Kamaruddin Hj Husin & Siti Hajar Abd Aziz, 1997; Abd Aziz Talib, 2007; Abdul Rasid Jamian, 2011).

Prestasi murid dalam peperiksaan awam bagi kertas Bahasa Melayu juga turut lemah. Menurut laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) tahun 2008, kebanyakan ayat yang dibina oleh murid yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak mematuhi hukum tata bahasa yang betul serta tidak gramatis. Pengolahan ayat juga tidak menarik kerana pemilihan kosa kata yang tidak bertepatan dengan bahan rangsangan atau grafik yang diberi. Murid juga cenderung untuk menulis ayat yang hambar dan agak ringkas hingga tidak mematuhi syarat jumlah perkataan yang ditetapkan oleh LPM untuk dinilai oleh Pemeriksa (Manisah Osman, 2017). Ini menunjukkan bahawa tidak semua murid dapat menulis ayat dengan baik (Noor Zila Md Yusuf & Amir Juhari, 2011).

1.2 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah murid-murid tahun enam yang lemah menulis ayat gramatis dalam bahasa Melayu. Secara khususnya pula, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

- i. meneroka keupayaan facebook sebagai perangsang tindak balas positif dalam kalangan murid untuk menulis ayat yang gramatis,
- ii. meneroka keupayaan facebook sebagai medium pembelajaran murid untuk menguasai kemahiran menulis ayat gramatis dalam Bahasa Melayu,
- iii. melihat kesan penggunaan facebook sebagai medium pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian murid dalam peperiksaan.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat membantu peserta kajian mengatasi masalah lemah membina dan menulis ayat yang gramatis dalam bahasa Melayu. Pendekatan pengajaran dan pemudah caraan (PdPc) tidak formal di luar bilik darjah dengan menggunakan facebook sebagai medium supaya guru dapat membimbing murid lemah secara berfokus dan mengaplikasikan variasi dalam PdP yang bersesuaian dengan peredaran masa kini. Diharapkan pendekatan ini dapat meningkatkan kemahiran menulis ayat gramatis Bahasa Melayu dalam kalangan peserta kajian, seterusnya mencari kaedah PdP yang bersesuaian untuk meningkatkan prestasi murid dalam peperiksaan.

2.0 METODOLOGI

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk model penyelidikan tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Pengumpulan data awal melalui analisis dokumen seperti buku latihan, ujian awal dan pencapaian murid dalam peperiksaan seragam daerah, manakala data semasa diperoleh melalui ujian awal, latihan membina ayat di facebook .

2.2 Populasi , Persampelan dan Lokasi

Populasi sasaran dalam kajian ini ialah populasi murid tahun enam di sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah kecil Debak, Sarawak yang gagal menguasai kemahiran menulis ayat gramatis dalam kertas Bahasa Melayu Penulisan Bahagian A iaitu kemahiran memindahkan maklumat dengan membina lima ayat gramatis berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Sampel yang digunakan adalah sampel rawak bertujuan dalam populasi murid di kelas Tahun 6 Fokus sahaja.

Tiga daripada 16 orang murid tahun 6 Fokus yang terlibat sebagai peserta kajian iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan.

2.3 Peserta Kajian

Peserta adalah terdiri daripada tiga orang murid berbangsa Iban yang bermasalah menulis ayat gramatis serta gagal dalam peperiksaan sekolah. Peserta diberi kod sebagai M1, M2 dan M3. Ketiga-tiga peserta ini tinggal di rumah panjang yang berhampiran dan mempunyai latar belakang yang hampir sama. M1 dan M3 merupakan murid perempuan yang tinggal di asrama, manakala M2 adalah murid lelaki harian.

2.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pengkaji sendiri selaku guru sebagai instrumen, nota lapangan dan analisis dokumen seperti latihan di facebook, ujian awal dan ujian akhir, serta pencapaian murid dalam ujian seragam daerah sebagai alat untuk mengumpul data.

2.5 Nota Lapangan

Pengkaji memerhatikan perilaku dan penerimaan peserta kajian terhadap pembelajaran menulis ayat menggunakan *Facebook* dan menterjemahkannya dalam catatan nota lapangan dengan berpandukan domain afektif (A2) iaitu memberi maklum balas terhadap aktiviti atau tugas yang diberikan seperti akur terhadap arahan guru, mematuhi syarat tugas serta menjawab latihan yang diberikan dengan lengkap. Catatan nota lapangan juga dianalisis dengan merujuk kepada domain psikomotor (P3) respons berpandu iaitu memberikan tindak balas dan P7 lakuan tulen iaitu membina sendiri ayat.

3.0 ANALISIS DOKUMEN

Penganalisan dokumen seperti buku latihan dilakukan untuk mendapatkan data awal tentang ayat yang dibina oleh murid. Markah ujian seragam peringkat daerah iaitu Ujian AR1 (Mac) juga dirujuk sebagai data awal, manakala analisis latihan di *Facebook* adalah data semasa kajian. Dokumen tersebut dianalisis secara deskriptif. Penganalisan ayat dalam latihan di *Facebook* berdasarkan enam aspek iaitu (A) masa menyiapkan latihan, (B) siap dengan lengkap, (C) ayat gramatis, (D) mengandungi ayat majmuk, (E) mengandungi kesalahan ejaan, dan (F) kesalahan huruf besar atau huruf kecil.

3.1 Ujian Awal dan Ujian Akhir

Kertas Ujian AR2 PPD Betong (Mei) digunakan sebagai ujian awal. Konstruk ujian awal tersebut telah diseragamkan di seluruh negeri Sarawak dengan menggunakan Justifikasi Standard Ujian (JSU) dan soalan telah digubal oleh ahli Task Force Daerah. Ujian akhir pula telah dijalankan pada bulan September iaitu selepas lapan minggu peserta kajian menjalani proses pembelajaran membina dan menulis ayat menggunakan facebook. Data dikutip dan diproses secara kualitatif deskriptif berdasarkan skema penyemakan dan pemarkahan Bahasa Melayu UPSR format mulai 2016 yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

3.2 Analisis Data

Data yang dikutip daripada latihan di *Facebook* dianalisis berpandukan enam aspek bahasa. Data yang diperolehi daripada ujian awal dan ujian akhir pula dianalisis berdasarkan skor standard yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2016) bagi menentukan peratus pencapaian murid semasa penyemakan skrip murid bagi kertas Bahagian A Penulisan. Penentuan julat tanda aras skor pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu (A) 80-100, (B) 65-79, (C) 50-64, (D) 40-49 dan (E) 0-39. Rubrik penskoran Bahasa Melayu Penulisan Bahagian A pula adalah Cemerlang (9-10, Baik (7-8), Memuaskan (4-6) dan Pencapaian Tahap Minimum (1-3). Semua data kualitatif dianalisis secara deskriptif.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan bagi kajian ini dibuat berdasarkan dua aspek iaitu, senarai semak latihan peserta kajian di *Facebook*, dan peningkatan pencapaian peserta dalam ujian akhir bagi kertas Bahasa Melayu 012 Bahagian A untuk melihat kesan terhadap pencapaian dalam peperiksaan.

4.1 Tindak Balas Murid terhadap Penggunaan *Facebook* untuk Membina Ayat

Dapatan kajian yang diperoleh daripada catatan nota lapangan tentang perlakuan dan tindak balas peserta yang dianalisis dengan merujuk domain afektif, psikomotor dan unsur peneguhan positif (Teori Skinner) serta kekerapan peserta mengakses latihan di facebook.

Jadual 1. Rumusan Nota Lapangan

PERLAKUAN	KEKERAPAN
Psikomotor (P3) Respons berpandu	
i. Memberi tindak balas positif	7
Psikomotor (P7) Lakuan tulen	
i. Melaksana	2
ii. Membina	2
Afektif (A2) Memberi maklum balas	
i. Akur	3
ii. Mematuhi	3
iii. Menjawab	3
Peneguhan positif	
i. Ganjaran	2

Jadual 2. Kekerapan menyelesaikan latihan dengan lengkap di facebook

PESERTA	KEKERAPAN (n/5)	PERATUSAN
M1	5	100
M2	5	100
M3	5	100
JUMLAH	15/15	100

4.2 Dapatan Penguasaan Menulis Ayat Menggunakan *Facebook*

Peserta kajian telah menjalani sesi latihan menulis ayat di *Facebook* sebanyak lima kali iaitu melalui lima gelung proses tindakan dalam Kemmis & MacTaggart 1988.

Jadual 3. Tarikh menjawab latihan di *Facebook*

Peserta	Tarikh Akses				
	Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3	Latihan 4	Latihan 5
Muat turun	11.7.2018	16.7.2018	8.8.2018	15.8.2018	4.9.2018
M1	14.7.2018	20.7.2018	11.8.2018	18.8.2018	4.9.2018
M2	14.7.2018	22.7.2018	11.8.2018	18.8.2018	11.9.2018
M3	14.7.2018	19.7.2018	9.8.2018	18.8.2018	5.9.2018

Berikut adalah rumusan ulasan bagi kelima-lima soalan latihan berdasarkan enam aspek yang dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Rumusan ulasan bagi setiap aspek

Aspek	Ulasan
A	Siap dalam masa yang ditetapkan
B	Siap dengan lengkap
C	Ayat gramatis
D	Mengandungi ayat majmuk
E	Kesalahan ejaan, imbuhan, huruf besar atau kecil
F	Terdapat kesalahan diksi atau pengaruh bahasa ibunda

Jadual 5. Pencapaian bagi setiap aspek

Aspek A				
Peserta	Sebelum(n/5)	Semasa (n/5)	Jumlah Peningkatan	Peratus Peningkatan
M1	3	5	2	40
M2	1	5	4	80
M3	3	5	2	40
Aspek B				
Peserta				
M1	3		2	40
M2	1	5	4	80
M3	3	5	2	40
Aspek C				
Peserta				
M1	15	25	10	40
M2	10	21	11	44
M3	12	23	11	44
Aspek D				
Peserta				
M1	9	3	14	56
M2	5	5	10	40
M3	6	3	7	28
Aspek E				
Peserta				
M1	14	11	3	12
M2	14	8	6	24
M3	13	8	5	20
Aspek F				
Peserta				
M1	14	6	8	32
M2	14	5	9	36
M3	15	8	7	28

*n = bilangan ayat

4.2 Dapatan Kesan Penggunaan Facebook terhadap Pencapaian dalam Peperiksaan
Kesan penggunaan facebook terhadap pencapaian murid dalam ujian dapat dilihat dalam jadual 6 dan jadual 7.

Jadual 6. Rumusan skrip jawapan ujian awal dan ujian akhir

Aspek	M1		M2		M3	
	Awal	Akhir	Awal	Akhir	Awal	Akhir
Idea betul	4	5	5	5	4	5
Ayat gramatis	4	5	5	5	5	5
Ayat majmuk	0	1	2	3	1	3
Kesalahan ejaan, imbuhan dan huruf besar/kecil	0	0	7	2	2	3
Diksi tidak tepat	3	1	2	4	2	1
Pengaruh bahasa Iban	0	0	1	0	1	0

Jadual 7. Perbandingan pencapaian bagi ujian awal dan ujian akhir

Peserta	Markah Ujian Awal (n /10)	Markah Ujian Akhir (n/10)	Perbezaan
M1	5	7	+2
M2	5	7	+2
M3	5	7	+2

*n=markah Bahagian A

4.3 Pencapaian Murid dalam Peperiksaan Sekolah

Pencapaian murid dalam peperiksaan yang diadakan di sekolah dan di peringkat daerah dapat dilihat dalam jadual 8 dan 9.

Jadual 8. Pencapaian peserta dalam ujian seragam di sekolah

Peserta	BM 012 Bahagian A (Bina lima ayat) 10 markah					UPSR2018 BM 012
	Data awal AR1 (Mac)	Ujian Awal AR2 (Mei)	AR3 (Ogos)	Ujian Akhir Pra5(Sept)	PAT(Okt)	
M1	4	5	6	7	7	D
M2	3	5	5	7	7	D
M3	4	5	6	7	7	D

Jadual 9. Kekerapan lulus bahasa Melayu dalam ujian 2018

Peserta	Bahasa Melayu Pemahaman		Bahasa Melayu Penulisan	
	Kekerapan (n/5)	Peratus	Kekerapan (n/5)	Peratus
M1	2	40	3	60
M2	3	60	3	60
M3	2	40	2	40

*n=bilangan kekerapan menguasai (lulus)

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Aplikasi Facebook dan Tindak Balas Murid

Dapatan kajian berdasarkan rumusan nota lapangan dan kekerapan peserta menyelesaikan latihan di *Facebook* menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta memberikan tindak balas yang positif terhadap pembelajaran menulis ayat menggunakan facebook. Dapatan ini selari dengan dapatan Rahimah Sabtu dan Zamri Mahamod (2013) iaitu murid lebih positif menggunakan facebook dalam pembelajaran komponen sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS).

Dapatan ini juga selari dengan dapatan Siti Masrah Sukalah (2017) bahawa aplikasi *Padlet* dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan menarik minat pelajar dalam pembelajaran cerpen KOMSAS. Dapatan kajian turut disokong oleh kajian Musrifah Sarjoni (2015) yang mendapati bahawa murid-murid sangat positif dari segi pencapaian, minat dan tahap penggunaan *Google Plus* dalam PdP.

Dapatan kajian ini juga selaras dengan hasil kajian Rafiza (2013) yang mendapati bahawa pembelajaran atas talian membantu pelajar berinteraksi dan menyuarakan pendapat dalam memahami novel bahasa Melayu tingkatan tiga. Berdasarkan analisis yang dibuat, terdapat perubahan terhadap tingkah laku pelajar ini dalam pembelajaran novel. Pelajar menggunakan ayat yang gramatis, isi yang tepat berdasarkan tugas, huraian isi (contoh) tepat dan terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata.

Dapatan kajian juga bertepatan dengan pandangan Zamri dan Mohd Amin Embi (2008) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi seperti Internet dan komputer dapat merangsang minda murid sehingga menjana idea yang cemerlang yang dapat meningkatkan pencapaian akademik murid. Dapatan kajian ini juga diperkuat oleh Rahimah Sabtu dan Zamri Mahamod (2013) menyatakan keberkesanan facebook dalam pembelajaran Komsas menunjukkan pencapaian murid kumpulan eksperimen dalam mata pelajaran Komsas. Pengajaran menggunakan aplikasi facebook juga diterima secara terbuka oleh murid-murid walaupun pembelajaran menggunakan rangkaian sosial ini baru digunakan.

5.2 Aplikasi Facebook dan Ayat Gramatis dalam Kalangan Murid

Berdasarkan Jadual 5 iaitu aspek A, didapati ketiga-tiga peserta kajian telah berjaya menyiapkan kelima-lima soalan tugas dalam tempoh seminggu yang telah ditetapkan. Bagi aspek B pula iaitu siap dengan lengkap, didapati ketiga-tiga peserta telah menyiapkan kelima-lima latihan dengan lengkap. Siap dengan lengkap bermaksud, peserta telah menghasilkan lima ayat bagi setiap soalan latihan yang diberi. Ayat tersebut layak dinilai apabila bilangan perkataan bagi setiap ayat adalah lima patah perkataan dan ke atas. Hal ini mematuhi syarat penyemakan dan pemarkahan kertas BM Penulisan Bahagian A seperti ketetapan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Bagi aspek aspek C, didapati ketiga-tiga peserta kajian telah berjaya menunjukkan peningkatan sebanyak 40 dan 44 peratus berbanding pencapaian sebelumnya, dari aspek bilangan ayat gramatis yang dihasilkan bagi kelima-lima soalan tugas (satu soalan memerlukan lima ayat) dalam tempoh masa lima minggu yang telah ditetapkan oleh guru. Bagi aspek D pula iaitu jumlah ayat majmuk yang dihasilkan berpandukan bahan rangsangan yang diberi, didapati ketiga-tiga peserta juga telah menunjukkan peningkatan terutama peserta M1 yang mencatat 56 peratus peningkatan berbanding pencapaian sebelum menggunakan facebook. Peserta M1 telah menghasilkan 23 ayat majmuk daripada jumlah keseluruhan 25 ayat yang dibina. Secara puratanya, ayat tersebut layak dinilai pada aras cemerlang kerana antara syarat pemarkahan bagi Bahagian A kertas Penulisan adalah calon perlu membina sekurang-kurangnya tiga ayat majmuk daripada lima ayat yang dihasilkan untuk melayakkan skrip calon diberi markah cemerlang. Hal ini mematuhi syarat penyemakan dan pemarkahan kertas bahasa Melayu Penulisan Bahagian A bagi penilaian UPSR (Sumber: Pemeriksa UPSR 2017).

Bagi aspek E iaitu penilaian dari jumlah kesalahan ejaan, imbuhan, huruf besar dan huruf kecil, didapati ketiga-tiga peserta kajian telah berjaya menunjukkan penurunan peratus kesalahan tatabahasa tersebut sebanyak 12 peratus bagi peserta M1, 24 peratus bagi peserta M2 dan 20 peratus bagi peserta M3.

Bagi aspek F pula iaitu jumlah ayat mengandungi kesalahan kosa kata atau diksi yang tidak tepat dan terdapat pengaruh bahasa Iban dalam ayat yang dibina bagi keseluruhan 25 ayat tersebut, didapati ketiga-tiga peserta juga telah menunjukkan penurunan melakukan kesalahan tersebut terutama peserta M2 yang mencatat 36 peratus penurunan berbanding pencapaian sebelum menggunakan facebook. Peserta M1 pula telah berjaya mengurangkan kesalahan aspek F sebanyak 32 peratus berbanding sebelumnya, manakala M3 mencatat penurunan kesalahan aspek F sebanyak 28 peratus. Dari aspek pengaruh bahasa Iban, didapati hanya peserta M3 yang melakukan kesalahan ini iaitu sebanyak dua kali. Pencapaian ini membuktikan bahawa mereka telah berjaya mengurangkan kesalahan tatabahasa yang boleh menjejaskan pungutan markah mereka dalam bahasa Melayu Penulisan Bahagian A melalui latihan menggunakan facebook.

Dapatan ini juga menyokong kajian Gannon (2009) yang menyatakan bahawa penggunaan Web 2.0, simbol dan *podcast* mempengaruhi pembelajaran. Penggunaan Web 2.0 dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan membantu pelajar dalam menyiapkan tugas yang diberi. Selain itu, pelajar mendapat ilmu pengetahuan yang baharu dengan lebih cepat dan memahami isi kandungan pendidikan yang diterima.

5.3 Aplikasi Facebook dan Kesan terhadap Pencapaian dalam Peperiksaan

Dapatan daripada ujian awal dan ujian akhir, pengkaji dapat dirumuskan bahawa penggunaan facebook telah dapat meningkatkan penguasaan murid dalam aspek tatabahasa semasa membina dan menulis ayat, seterusnya meningkatkan markah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan kajian berdasarkan jadual analisis keputusan peperiksaan AR3 (Ogos), Ujian PraUPSR 5 (September) dan UPSR 2018 (29 November 2018) mendapati berlaku peningkatan bagi pencapaian ketiga-tiga peserta kajian setiap ujian hinggalah mereka mendapat keputusan lulus bagi kertas BM Penulisan 012 dalam UPSR 2018 baru-baru ini. Secara langsung, objektif ketiga kajian ini juga terjawab. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Noraida Md Yusoff (2015) yang mendapati penggunaan Buku Elektronik dalam kelas Bahasa Melayu Pemahaman telah membantu murid tahun 5 meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Ini bermakna kaedah pembelajaran menggunakan facebook merupakan salah satu kaedah pengajaran yang berkesan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga selaras dengan Mohd Arif et al. (2008) yang mengkaji multimedia dan aplikasinya dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan kajian juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Dallas (2010) yang menyatakan bahawa Web 2.0 membolehkan komunikasi dua hala antara kumpulan murid dan guru. Dengan komunikasi dua hala maka terjalin sikap bekerjasama antara kumpulan bagi menyiapkan tugas. Pada akhir kajian, pencapaian pelajar bertambah baik dengan menggunakan kaedah Web 2.0.

6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk mempelbagaikan strategi pengajaran di luar bilik darjah dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi pendidikan. Murid sendiri harus bijak memanfaatkan teknologi maklumat dan kemudahan yang ada untuk digunakan ke arah yang positif kerana teknologi ini mampu melonjakkan pencapaian akademik murid jika digunakan ke arah yang betul. Ibu bapa lebih sensitif terhadap keperluan anak-anak dalam meneroka ilmu pada era Revolusi Industri 4.0 ini. Pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan pula sebaiknya mengadakan program bagi membantu para guru menerapkan kemahiran yang diperoleh semasa latihan dan menyokong para guru supaya mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari dengan memberikan insentif. JPN boleh melatih dan melantik lebih ramai jurulatih utama menjadi mentor kepada para guru khususnya latihan pendedahan teknologi dan inovasi pendidikan. KPM hendaklah mengadakan penilaian dan pemantauan ke atas program latihan dalam pengaplikasian teknologi dan inovasi tersebut serta menyediakan prasarana dan kemudahan Internet kepada sekolah untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi dan inovasi pendidikan. Pemantauan dan penambahbaikan juga perlu bertumpu kepada sekolah luar bandar agar dapat merapatkan jurang perbezaan antara sekolah bandar dan luar bandar.

7.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan dikemukakan bagi tujuan kajian lanjutan pada masa hadapan. Kajian lanjutan boleh dijalankan di kawasan pentadbiran yang lain seperti sekolah yang dianggap berisiko tinggi dengan populasi dan sampel yang lebih besar dan melibatkan pihak pentadbir sekolah mengenai persepsi penggunaan apliksai *Facebook* dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

8.0 KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis ayat gramatis Bahasa Melayu (BM) menggunakan *Facebook* dalam kalangan murid lemah di sekolah kajian memberi kesan yang lebih efektif. Pencapaian yang ditunjukkan oleh murid-murid yang menggunakan *Facebook* dalam pembelajaran BM di luar bilik darjah lebih interaktif dan berkesan berbanding menggunakan kaedah tradisional seperti latihan menulis dalam buku latihan sahaja. Penggunaan *Facebook* juga mendorong murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran agar mendapat keputusan yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Murid memberikan tindak balas yang positif terhadap penggunaan *Facebook* dalam pembelajaran. Mereka berasa teruja kerana *Facebook* memiliki kelebihan sebagai medium pengajaran iaitu memberikan maklumat yang interaktif dan corak pembelajaran secara dua hala atau pelbagai hala. Guru menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah, lebih menarik dan lebih berkesan dengan menggunakan *Facebook*. Justeru, murid juga dapat membina kemahiran dalam melakukan persembahan kolaboratif untuk menyiapkan tugas secara sendiri.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2013). Pengaplikasian pendekatan didik hiburan dan Teknik SALAK dalam penulisan karangan. *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua 2013*, 269-283. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012). Teknik 'SALAK' dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842. Vol.2, Bil.2: 83-92.
- Abd. Aziz Abd. Talib. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1) Mei:1-12.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, PTS Publications Distributors. Sdn. Bhd.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2017.
- Madge, C., Meek, J., Wellens, J., & Hooley, T. (2009). *Facebook*, social integration and informal learning at university: 'It is more for socializing and talking to friends about work than for actually doing work'. *Learning, Media and Technology*, 34(2), 141-155.
- Manisah Osman. 2017. Peluasan ayat melalui strategi penggunaan pelbagai keterangan. *Seminar Bahasa Melayu*. (Tarikh akses: 16 Ogos 2018)
- Mohamad Jasmy & Ros Azura. (2008). Penggunaan penilaian perisian komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dlm Zamri Mahamod & Mohamed Amin (pnyt). *Teknologi dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, hlm.111-140. Shah Alam: Karisma Publication.
- Musrifah Sarjoni. (2015). Pencapaian subjek Bahasa Mealyu murid tahun enam berbantuan Google Plus. Tesis memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 33-41.
- Noor Zila Md Yusuf & Amir Juhari. (2011). Kaedah IsSam satu inovasi dalam p&p Bahasa Melayu: Kajian di SK Bandar Bintangor. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Rajang*, Jilid 2:110-124.
- Noraida Md Yusoff. (2015). Keberkesanan penggunaan Buku Elektronik dalam pencapaian pemahaman Bahasa Melayu. *Disertasi Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi*.
- Rahimah Sabtu & Zamri Mahamod. (2013). Aplikasi *Facebook* terhadap pembelajaran komponen Kesusasteraan Melayu dalam kalangan murid sekolah menengah. Dlm. *Prosiding Seminar serantau pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua, 2013*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Siti Masrah Sukalah. (2017). Aplikasi Padlet dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Sastera (KOMSAS). *Laporan Akhir Penyelidikan Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2014). Bab 9 Pendekatan belajar secara atas talian dalam p&p Bahasa Melayu. Dlm. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. (hlm. 253-267). Tanjong Malim: Penerbit Universti Pendidikan Sultan Idris.

BIODATA RINGKAS PENULIS

Regina Simba Anak Vendrick dilahirkan pada 6 Oktober 1979 di Betong, Sarawak. Beliau telah menamatkan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam bidang Pengkhususan Bahasa dan Lingusitik Melayu (dwimajor Kesusasteraan Melayu) di Universiti Putra Malaysia Serdang pada tahun 2002. Beliau memulakan kerjaya sebagai guru Bahasa Melayu pada 1 Januari 2006 setelah menamatkan program latihan perguruan KPLI LPBS dengan pengkhususan Pengajian Melayu (BM SR) di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching Sarawak pada tahun 2005. Beliau telah mengajar Bahasa Melayu tahun enam selama 13 tahun.